

**Palestin Mesti Kaji Strateginya Untuk Merdeka - Tun Dr Mahathir
Bernama
2 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) - Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa rakyat Palestin mesti mengkaji semula strategi mereka bagi mencapai tahap negara merdeka.

Beliau berkata selepas lebih 60 tahun segala usaha untuk melihat Palestin merdeka masih tidak berhasil.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Perdana Global Peace berkata, pada masa sama rakyat negara itu juga perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran bagi mendapatkan sokongan dunia, khususnya pihak Barat walaupun ini akan mengambil masa agak lama.

"Kini masanya untuk membuat perancangan lebih berkesan dan siapkan diri dengan strategi dan kemahiran. Mungkin mengambil masa, tapi tak mengapa kerana kita telah menunggu lebih 60 tahun.

Beliau berucap pada penutupan persidangan pertama Gerakan Belia Malaysia-Palestin di sini bertajuk "Evolution For Palestine".

"Rakyat di negara yang ingin membangun mesti membuat persiapan. Mesti ada pengetahuan dan kemahiran...Tanpanya jika kita menangpun tidak dapat membantu membangun negara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=931604>